

FATWA FALAK DI MALAYSIA

Fatwa on Astronomy in Malaysia

Zulfaqar bin Mamat¹

¹Pensyarah Kanan, Fakulti Syarah dan Undang-Undang, USIM,
 Nilai, Negeri Sembilan. zulfaqar@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Fatwa atau keputusan hukum yang dikeluarkan dalam bidang falak amat sedikit jika dibandingkan dengan fatwa atau keputusan hukum berkaitan bidang-bidang fiqh yang lain seperti ibadat, muamalat dan munakahat. Kajian ini bertujuan untuk meneliti fatwa atau keputusan hukum berkaitan isu-isu falak yang pernah dikeluarkan oleh pihak berkuasa dalam pengeluaran hukum di Malaysia. Untuk itu, kajian secara kualitatif bersifat kepustakaan telah digunakan dengan meneliti dan menganalisa kandungan fatwa atau keputusan hukum yang pernah dikeluarkan oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri. Kajian mendapati tiada mana-mana fatwa yang pernah diwartakan bersangkutan isu falak di Malaysia, walaubagaimanapun terdapat beberapa keputusan hukum yang pernah dikeluarkan sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri. Secara amnya kesemua negeri boleh bersetuju dan bertolak ansur dengan keputusan hukum yang pernah dikeluarkan mengenai isu-isu falak di Malaysia.</p> <p>Kata kunci: Fatwa, falak, keputusan hukum</p>	<p><i>Fatwas or legal decisions issued in the field of astronomy are very few compared to fatwas or legal decisions related to other fields of fiqh such as worship, muamalat and munakahat. This study aims to examine fatwas or legal decisions related to astronomical issues that have been issued by the authorities in Malaysia. For that, a qualitative study of the nature of the library has been used by examining and analyzing the content of fatwas or legal decisions that have been issued by the Conference of Rulers Meeting, National Fatwa Committee and also the State Fatwa Committee Meeting. The study found that no fatwa has ever been gazetted regarding astronomy issues in Malaysia, however there are some legal decisions that have been issued either at the national or state level. In general, all states can agree and tolerate legal decisions that have been issued on astronomical issues in Malaysia.</i></p> <p><i>Keywords:</i> Fatwa, astronomy, legal decisions</p>

PENDAHULUAN

Masyarakat Islam dalam kehidupannya tidak dapat lari daripada hukum syarak. Menurut para ulama dalam hidup seorang Islam terdapat lima hukum yang akan dilaluinya iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus. Ia merupakan tuntutan ke atas umat Islam dalam menjalani kehidupan di dunia menurut peraturan dan syariat seperti mana yang telah digariskan oleh Allah SWT.

Terdapat hukum yang telah jelas diterangkan oleh Allah SWT atau melalui lidah Nabi-Nya SAW tentang wajib atau haramnya, sunat atau makruhnya melalui sumber-sumber hukum, tetapi terdapat juga hukum yang kurang jelas untuk membuka peluang kepada penelitian yang lebih mendalam daripada para ilmuan Islam dalam pelbagai bidang ilmu. Maka di sini peranan fatwa atau *ijtihad* diperlukan, untuk mengetahui hukum yang sebenar-benarnya dikehendaki oleh sumber hukum berkenaan berdasarkan kepada pelbagai aspek seperti umum dan khususnya sumber berkenaan, kekuatan suruhan dan larangannya yang akhirnya menjadi hukum wajib, sunat, haram, makruh atau harus.

Selain itu, hukum juga diperlukan terhadap permasalahan baru yang timbul hasil kecanggihan teknologi, perubahan gaya hidup, uruf setempat dan sebagainya yang memerlukan jawapan yang tuntas daripada para ulama selari dengan *maqasid* syariah, mengambilkira *maslahah* masyarakat dan sesuai dengan konteks semasa.

Persoalan hukum berkaitan falak iaitu suatu ilmu yang mempelajari tentang posisi benda-benda langit, matahari, bulan, bintang dan sebagainya merupakan antara isu yang ditanya dan dibincang oleh masyarakat kerana ia terkait dengan kehidupan dan ibadat seorang muslim. Isu-isu seperti penetapan waktu solat, penetapan tarikh hari raya, gerhana matahari dan bulan, arah kiblat dan sebagainya adalah antara persoalan-persoalan yang sering dilontarkan kepada para mufti dan alim ulama apabila timbul kekeliruan mengenainya.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang akan diguna dalam kajian ini adalah kualitatif yang menggunakan data selain dari angka atau bilangan, sebaliknya ia menggunakan fakta, maklumat, ulasan, pernyataan, maksud konsep, ciri-ciri, simbol, persepsi dan seumpamanya (Idris Awang: 2001). Sementara pendekatan kajian bersifat kepustakaan telah digunakan dalam kajian ini dengan mengenangkan dua kaedah utama iaitu kaedah pengumpulan data dan analisis data.

Kaedah pengumpulan data merupakan satu usaha yang dilakukan dengan cara mengumpulkan data dan pentafsiran terhadap data yang terkumpul (Abdul Halim Mat Diah: 1986). Antara data yang akan dikumpul adalah melibatkan data-data berkaitan fatwa falak di Malaysia. Pemerolehan data dibuat menerusi rujukan ilmiah terhadap buku, minit mesyuarat, jurnal, laporan, artikel dan sebagainya.

Seterusnya kaedah analisis data di mana data yang telah terkumpul perlu disusun dan dikategorikan mengikut bab yang tersusun. Data-data yang melibatkan koleksi keputusan Mesyuarat Majlis raja-Raja, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan juga salinan fatwa atau keputusan mesyuarat Jawatankuasa Syariah dari setiap Negeri telah diteliti dan dianalisa oleh penulis untuk mencari fatwa yang berkaitan. Selain itu kertas-kertas kerja yang dikemukakan dalam muzakarah tersebut juga telah diteliti untuk menjelas dan menghuraikan fenomena yang menjadi fokus kajian.

FATWA FALAK DI MALAYSIA

Dalam konteks Malaysia, keputusan hukum tentang sesuatu perkara secara amnya di kenali atau dianggap oleh masyarakat sebagai fatwa walaupun ia tidak diwartakan. Ia selari dengan takrifan fatwa yang dikemukakan oleh fuqaha Islam seperti Ibn Hamdan (1397H) yang menyatakan fatwa sebagai penerangan tentang hukum Allah SWT berdasarkan dalil syarak dan al-Qarafiyy (2001) pula mendefinisikan fatwa sebagai penerangan tentang hukum Allah SWT pada perkara yang mesti (*ilzam*) atau harus (*ibahah*). Sebenarnya, menurut Mohamed Azam (2006) secara amnya terdapat tiga jenis fatwa/keputusan hukum di Malaysia seperti berikut:

i. Fatwa yang diwartakan

Fatwa ini bermaksud fatwa yang diputuskan oleh mufti atau Jawatankuasa Fatwa setelah mendapat perkenan Sultan atau Raja dan bagi sesetengah negeri pula, kelulusan daripada ahli mesyuarat negeri dan penasihat undang-undang dalam mewartakan fatwa tersebut melalui warta kerajaan. Sesuatu fatwa yang diwartakan akan menjadi undang-undang dan semua orang Islam dalam lingkungan fatwa itu diwartakan akan terikat dengan warta tersebut.

ii. Fatwa yang diputuskan oleh mufti atau Jawatankuasa Fatwa tetapi tidak diwartakan

Tidak semua persoalan yang dikemukakan kepada mufti atau jawatankuasa fatwa diwartakan. Namun apabila sesuatu fatwa dipohon secara rasmi melalui surat atau

sebagainya maka ia dianggap sebagai dokumen kerajaan yang tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya. Justeru, terdapat sesetengah fatwa yang diklasifikasikan sebagai sulit dan tidak didedahkan kepada orang ramai kecuali kepada pihak yang bertanya. Ini termasuk beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, sungguhpun daripada segi undang-undangnya ia tidak mempunyai sebarang kuasa.

iii. Soal jawab agama

Ia berupa jawapan lisan atau bertulis oleh mufti secara bersendirian yang dijawab langsung kepada pihak yang berkenaan.

Beliau berpendapat bahawa dua jenis fatwa yang pertama ialah rasmi, manakala fatwa jenis yang ketiga ialah tidak rasmi.

Dalam kajian ini, keputusan hukum berkaitan falak yang dirujuk hanyalah dari jenis yang rasmi sahaja iaitu fatwa yang diwartakan dan juga keputusan hukum yang diputuskan oleh mufti dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri serta keputusan hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Maksud Fatwa

Fatwa yang dimaksudkan di sini ialah keputusan fatwa yang telah diwartakan oleh salah satu negeri di Malaysia dan menjadi undang-undang yang berkuatkuasa dan mengikat orang Islam dalam negeri tersebut. Seksyen 49(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 misalnya menyebutkan:

“Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan peribadi”.

Penelitian yang dibuat melalui laman web fatwa negeri-negeri terhadap fatwa yang telah diwartakan berkaitan falak mendapati tidak ada satu negeri yang telah mewartakan keputusan-keputusan fatwa yang telah dibuat mengenai isu falak walaupun sesetengah isu itu dirujuk dan dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja yang sepatutnya boleh terus diwartakan sebagai undang-undang yang berkuatkuasa di setiap negeri tanpa sebarang pindaan.

Sebagai contohnya, Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat kali ke-88 pada 20 Oktober 1970 telah membuat keputusan bersetuju dengan pandangan ahli jawatankuasa fatwa berkaitan penetapan awal puasa dan hari raya puasa seperti berikut:

“Anak bulan Ramadhan dan Syawal kiranya tidak kelihatan dilindungi awan padahalnya mengikut kiraan ahli-ahli falak anak bulan itu tetap ada dan boleh nampak, maka kiraan ahli-ahli falak bolehlah digunakan”.

Untuk memperincikan lagi keputusan tersebut, maka satu jawatankuasa yang terdiri daripada alim ulama dan ahli hisab dan falak telah dibentuk, maka dengan keputusan tersebut seluruh negara telah berpuasa dan berhari raya dengan teratur dan berjalan dengan baik, menampakkan bahawa keputusan itu telah dapat memenuhi kehendak syarak dan perpaduan masyarakat Islam di negara ini.

Begitu juga, Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat kali ke-164 pada 3 Februari 1994 telah membuat keputusan berikut berkaitan penetapan hari raya haji:

“Majlis bersetuju dengan cadangan untuk meminda kaedah penetapan Idil Adha yang berpandukan Hari Wukuf kepada Kaedah Rukyah Awal Bulan Zulhijjah.

Maksud Keputusan Hukum

Keputusan hukum yang dikehendaki dalam kajian ini ialah keputusan yang diperolehi hasil perbincangan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia atau keputusan yang diperolehi hasil perbincangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri-negeri.

i. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan merupakan satu wahana yang ditubuhkan secara pentadbiran oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membincangkan isu-isu besar dan bersifat segera, melibatkan persoalan negara ataupun akidah umat Islam. Keputusan hukum yang dibuat dalam Muzakarah ini tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang, tetapi ia telah memainkan peranan ke arah pengembangan dan pembangunan aspek kefatwaan di negara ini. Keputusan hukum yang dikeluarkannya telah membantu usaha-usaha penyelidikan dan penyelarasan fatwa antara negeri. Sejak muzakarah tersebut diadakan sehingga tahun 2010, hampir tiga 300 kertas kerja atau penyelidikan telah dibincangkan dalam muzakarah tersebut. Pada kelazimannya keputusan hukum dalam Muzakarah tersebut akan dibawa ke

peringkat Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri untuk perbincangan dan tindakan selanjutnya. Sesetengahnya diterima oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri, ada juga yang diwartakan dan ada sebahagian kecil yang tidak diterima di peringkat negeri (Bahagian Pengurusan Fatwa, 2011).

Penelitian terhadap keputusan hukum dalam buku Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (2010) mendapati terdapat beberapa keputusan yang telah dikeluarkan berkaitan dengan isu falak, iaitulah:

i. Kesabitan Anak Bulan Ramadhan & Syawal (1977)

Selepas keputusan Majlis Raja-Raja pada tahun 1970 berkaitan isu kesabitan anak bulan Ramadhan dan Syawal, maka satu perbincangan lanjut untuk memperincikan keputusan tersebut telah dilakukan, Hasilnya sedikit penambahbaikan terhadap sighah fatwa telah dibuat untuk lebih jelas dan terang seperti mana berikut:

Keputusan:

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-14 yang bersidang pada 14 Julai 1977 telah membincangkan “Kesabitan Anak Bulan Ramadhan & Syawal”. Persidangan telah memutuskan bahawa “Anak bulan Ramadhan dan Syawal kiranya tidak kelihatan dilindungi awan (ghaim) padahalnya mengikut kiraan ahli-ahli falak syarie anak bulan itu tetap ada dan boleh nampak, maka kiraan ahli-ahli falak syarie bolehlah digunakan. Tetapi kiranya cuaca baik dan anak bulan tidak kelihatan maka hendaklah disempurnakan bilangan hari bulan itu sebanyak 30 hari”

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 yang bersidang pada 11-12 April 1984 telah membincang sekali lagi mengenai “Kesabitan Anak Bulan Ramadhan & Syawal”. Mesyuarat telah bersetuju bahawa perkara menetapkan awal puasa atau hari raya puasa hendaklah berdasarkan rukyah dan hisab.

Untuk melaksanakan penetapan berdasarkan rukyah dan hisab tersebut maka kriteria *imkanurukyah* telah digunakan dalam penentuan awal bulan Ramadhan dan Syawal di Malaysia, ia merupakan kaedah gabungan antara rukyah dan hisab telah digunakan sejak tahun 1992 dalam penyusunan kalender qamari di Malaysia dan ia juga telah disepakati oleh negara-negara anggota Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS).. Dalam kriteria

imkanurukyah ini, terdapat dua syarat yang telah ditetapkan, iaitu; Syarat pertama, anak bulan dianggap boleh kelihatan apabila memenuhi salah satu daripada syarat berikut iaitu, pertama, semasa matahari terbenam altitud bulan mestilah tidak kurang 2° , dan jarak lengkung bulan tidak kurang dari 3° , atau, kedua, umur bulan tidak kurang dari 8 jam ketika bulan terbenam (Kenyataan Media KP Jakim, Othman bin Mustapha:2016)

ii. Pindaan Kaedah Penetapan Hari Raya Aidil Adha Di Malaysia (1992)

Penggunaan kaedah penentuan Aidil Adha negara pada asalnya berpandukan hari wukuf bermula sejak tahun 1968 dengan menyesuaikan tarikh Aidil Adha negara dengan Arab Saudi. Walaubagaimanapun, semenjak penggunaannya, beberapa isu telah berbangkit seperti berikut:

- i. Bulan Zulhijjah tahun 1392 H / 1973 mengandungi 31 hari.
- ii. Hari wukuf tahun 1396 H / 1976 mengalami pindaan setelah tarikh Aidi Adha negara ditentukan dan diisythihar.

Permasalahan berbangkit ini telah menyebabkan Majlis Raja-Raja merujuk perkara tersebut kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan supaya menimbang dan mencadangkan salah satu daripada cara-cara berikut bagi menetapkan tarikh Aidiladha seluruh Malaysia:

- i. Menetapkannya dengan cara berpandukan kepada tarikh yang pertama bagi hari wukuf yang diisytharkan oleh kerajaan Arab Saudi, atau;
- ii. Menetapkannya dengan cara berpandukan kepada tarikh yang baharu bagi hari wukuf yang diisytharkan oleh kerajaan Arab Saudi dan membatalkan ketetapan yang sebelumnya, atau;
- iii. Menetapkannya dengan cara yang lain dari (i) atau (ii) di atas.

Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Fatwa tidak dapat membuat keputusan pada masa tersebut kerana terdapat sebahagian besar ahli yang bersetuju supaya penentuan hari raya haji ditentukan berdasarkan hari wuquf.

Apabila isu berbangkit sekali lagi pada tahun 1985 kerana kerajaan Arab Saudi terlalu lewat mengisytharkan hari wuquf sehingga menimbulkan kesulitan kepada negara lain dan juga menimbulkan kesangsian tentang cara penentuan hari wuquf yang sepatutnya. Maka dalam mesyuarat Jawatankuasa penetapan awal puasa dan hari raya pada 14 Disember 1989, suatu cadangan telah diutarakan supaya kaedah penentuan Aidiladha negara dikaji semula oleh suatu jawatankuasa kecil yang bakal ditubuhkan atas nama Jawatankuasa Taqwim. Hasil kajian kemudiannya telah mengemukakan suatu cadangan

seperti berikut: "Kriteria kebolehnampakan (Imkanur-rukyah) anak bulan bagi bulan hijrah bagi menetapkan awal Zulhijjah perlu diseragamkan dengan kriteria penetapan awal puasa dan hari raya puasa".

Cadangan ini telah diperhalusi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Menetapkan Awal Puasa Dan Hari Raya Puasa pada 4 November 1991 yang seterusnya menetapkan seperti berikut:

"Hilal dianggap boleh kelihatan apabila kiraan memenuhi salah satu daripada syarat-syarat berikut:

- (a) Ketika matahari terbenam, ketinggian bulan tidak kurang daripada 2° , dan jarak lengkung bulan-matahari tidak kurang daripada 3° atau
- (b) Ketika bulan terbenam, umur bulan tidak kurang daripada 8 jam, selepas ijtima' berlaku."

Seterusnya, hasil kajian dan keputusan ini telah dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-30 yang bersidang pada 22 Ogos 1992 di mana keputusannya seperti berikut:

Muzakarah telah memutuskan bahawa kaedah penetapan Aidil Adha di Malaysia yang berdasarkan tarikh hari wukuf di Arafah dipinda kepada kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah kerana kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah lebih sesuai diamalkan di negara ini.

iii. Pelaksanaan Ibadat di International Space Station (ISS) (2006)

Isu pelaksanaan ibadat di ISS ini timbul apabila kerajaan mengumumkan untuk menghantar angkasawan ke ISS pada tahun 2003. Sehubungan itu, pelbagai pandangan dan cadangan dikemukakan oleh ahli akademik kerana kemungkinan angkasawan adalah dari kalangan orang Islam. Ia akan melibatkan pelbagai persoalan berkaitan ibadat di angkasa lepas. Satu seminar berkaitan yang bertajuk Islam dan Kehidupan di Angkasa telah diadakan pada 25-26 April 2006 bagi mengenalpasti isu-isu yang berbangkit pelaksanaan ibadah di ISS. Kertas berkaitan kemudiannya dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk mendapat perakuan hukum.

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah membincangkan

Pelaksanaan Ibadah Di International Space Station (ISS). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- a. Penggunaan tisu yang telah disediakan di International Space Station (ISS) sebagai alat beristinja' adalah harus.
- b. Harus bertayammum dengan apa sahaja yang berasal dari bumi (contohnya ISS) sebagai kaedah mengangkat hadas.
- c. Solat ditunaikan sebanyak lima kali untuk tempoh 24 jam (hari di bumi) dan boleh ditunaikan secara jamak dan qasar dan tidak perlu diqada.
- d. Waktu solat dan puasa di ISS adalah mengikut waktu tempat pelepasan.
- e. Penentuan arah qiblat hendaklah dengan cara menghadap kaabah dan sekiranya sukar, bolehlah menghadap ke mana-mana arah.

iv. Had Berpaling Yang Dibenarkan Daripada Arah Qiblat (2007)

Terdapat kekeliruan di kalangan pihak berkuasa yang berkaitan apabila mendapati ada arah kiblat atau mihrab di surau atau masjid yang terpesong sedikit daripada arah yang sebenar apabila di buat pengukuran sekali lagi. Selain itu, terdapat persoalan oleh orang awam apabila solat yang didirikan telah terpesong daripada arah kiblat yang sepatutnya, samada perlu diqada atau dilakukan semula.

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-79 yang bersidang pada 6-8 September 2007 telah berbincang mengenai Had Berpaling Yang Dibenarkan Daripada Arah Qiblat (Had al-Tahawwul 'Anil Qiblah). Muzakarah berpandangan bahawa arah menghadap qiblat merupakan perkara ijtihadi dan zanni. Penentuan had tidak melebihi 3 peratus bagi pesongan mihrab yang dibenarkan tidak perlu ditetapkan. Oleh itu, Muzakarah memutuskan bahawa had berpaling yang dibenarkan dari arah qiblat tidak perlu difatwakan, tetapi boleh dijadikan garis panduan dalam pembinaan masjid dan surau baru.

v. Hukum Mencerap Hilal Dari Satelit (2008)

Utusan Malaysia pada 16 April 2005 telah melaporkan bahawa Arab Saudi Bersama Mesir, UAE dan Bahrain akan melancarkan projek perintis pelancaran satelit bagi melihat hilal, mengkaji pencemaran alam sekitar serta pergerakan awan. Isu ini turut mendapat perhatian Malaysia, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kalender Islam pada Jun 2006 telah diutarakan cadangan supaya Malaysia terlibat sama dalam projek penggunaan satelit bagi menentukan awal Ramadhan dan Syawal. Mesyuarat juga bersetuju untuk

menentukan maksud “melihat hilal” diteliti adakah meliputi dan mencakupi melihat daripada angkasa.

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan mengenai Hukum Mencerap Hilal Dari Satelit. Muzakarah telah memutuskan bahawa buat masa ini belum ada keperluan untuk menggunakan satelit bagi mencerap hilal dalam menentukan bulan-bulan qamariah khususnya Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah memandangkan kaedah hisab dan rukyah yang digunakan masih sesuai. Walau bagaimanapun untuk tujuan penyelidikan dan merakam pergerakan bulan penggunaan satelit adalah diharuskan.

ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri

Penubuhan jawatankuasa fatwa negeri-negeri bermula secara rasmi dengan terlaksananya enakmen, ordinan atau akta berkaitan fatwa di negeri-negeri. Dalam enakmen/ordinan/akta telah diperuntukkan seksyen berkaitan penubuhan jawatankuasa fatwa yang berfungsi untuk membantu Jabatan Mufti mengeluarkan sesuatu fatwa bagi pihak kerajaan negeri.

Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 misalnya menyatakan:

“Maka hendaklah ditubuhkan bagi maksud menasihati Majlis atau perkara-perkara lain berhubung dengan fatwa yang hendak dikeluarkan mengikut mana-mana peruntukan yang terkandung dalam Enakmen ini, suatu Jamaah Ulama yang terdiri daripada:

- (a) Mufti sebagai pengerusi,
- (b) Timbalan mufti, dan
- (c) Tidak kurang daripada lapan, tetapi tidak lebih daripada lima belas orang ahli lain.

Dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Seksyen 37(1) pula menyebutkan:

“Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak”.

Enakmen terkini yang diterima pakai di kebanyakan negeri menyaksikan bahawa pihak jawatankuasa fatwa telah diberi kuasa untuk mengeluarkan fatwa bagi pihak Sultan atau Yang Di Pertuan Agong. Bagi negeri Sarawak, fatwa masih dikeluarkan oleh Majlis dengan terlebih dahulu mendapat pandangan dan nasihat daripada Lembaga Fatwa, sementara Kelantan pula Jamaah Ulama boleh membuat dan mengisytiharkan sebarang fatwa bagi pihak dan atas nama Majlis (Zulfaqar Mamat: 2018)

Menurut Mahmood Zuhdi (2010), adalah menarik sekali bahawa fatwa di Malaysia tidak boleh dikeluarkan kecuali setelah dibincangkan dalam jawatankuasa fatwa, kerana ia lebih terjamin daripada segi ketepatan berbanding fatwa yang dikeluarkan oleh mufti secara bersendirian. Ia juga menepati konsep "*ijtihad jamaie*" iaitu pelbagai kepakaran boleh digabung jalin bagi tujuan menentukan hukum yang paling tepat dengan kehendak syarak dan mendatangkan kebaikan kepada masyarakat.

Berikut dikemukakan beberapa keputusan hukum dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri yang telah dikeluarkan berkaitan dengan isu falak tetapi tidak diwartakan, iaitulah:

i. Jamaah Ulama Negeri Kelantan (2002)

Kaedah Penentuan Idul Adha

Keputusan:

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 16 Mac 2002 telah membincangkan mengenai cadangan kaedah penentuan Idul Adha. Mesyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:

1. Menyokong keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis bahawa ketetapan Hari Raya "Idul Adha hendaklah mengikut kaedah Hari Wukuf di Arafah iaitu kaedah asal penentuan "Idul Adha yang dijalankan di Malaysia sebelum tahun 1993. Manakala kaedah penentuan "Idul Adha yang dilaksanakan sekarang adalah berdasarkan Ru"yah dan Hisab Awal Bulan Zulhijjah.
2. Jamaah Ulama" juga bersetuju kertas kerja dari Majlis Agama Islam Perlis ini, juga dibincangkan dalam Mesyuarat Raja-Raja untuk kemaslahatan masyarakat.

3. Jamaah Ulama" juga akur kepada apa juga keputusan yang diputuskan oleh Majlis Raja-Raja dan Majlis Fatwa Kebangsaan berhubung perkara di atas dan mengesyorkan supaya Majlis Fatwa Kebangsaan menjelaskan di dalam media massa tentang asas-asas keputusan yang diputuskan tentang perkara di atas untuk mengelakkan pandangan negatif dari masyarakat kepada institusi fatwa.

ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (2018)

Walaubagaimanapun Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali 38/2018 yang bersidang kemudiannya iaitu pada 8–9 November 2018 telah berpendapat sebaliknya dan membuat keputusan sepetimana berikut:

Fatwa Penentuan Hari Raya Al- Adha Dan Puasa Arafah

Keputusan:

1. Mana-mana negara yang sama *matla'nya* hendaklah berhari raya pada tarikh yang sama. Demikian juga penentuan puasa Arafah. Manakala mana-mana negara yang berlainan *matla'nya*, maka penentuan hari raya berdasarkan keputusan ulil amri kerana ia membabitkan *syi'ar* menzahirkan kesatuan bersama umat Islam di sesuatu tempat.
2. Manakala penentuan puasa sunat Arafah merupakan perkara *khilaf* dalam kalangan ulama. Majoriti para ulama memfatwakan supaya setiap orang mengikut penentuan 9 Zulhijjah di negara masing-masing dan pandangan ini mempunyai alasan-alasan yang kukuh. Namun oleh kerana ia merupakan amalan peribadi, maka seseorang berhak memilih puasa sama ada menurut hari wukuf di Arafah atau berdasarkan hari ke-9 Zulhijjah bagi negara-negara yang berlainan *matla'*.

Antara dalilnya :

Firman Allah SWT :

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلَةِ قُلْ هَيْ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجَّ

Terjemahannya : Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya ibadat Haji. (al-Baqarah : 189)

Sabda Rasulullah SAW :

الصَّوْمُ يَوْمٌ تَصُومُونَ وَالْفِطْرُ يَوْمٌ تُفْطِرُونَ وَالْأَصْحَى يَوْمٌ تُضَحَّوْنَ

Terjemahannya: Puasa ialah hari kamu semua berpuasa, berbuka adalah hari kamu semua berbuka dan Hari Raya Korban adalah hari kamu semua melakukan ibadah korban. (HR al-Imam al-Tirmizi)

3. Dalam masa yang sama dunia Islam digesa supaya menzahirkan kesatuan dalam penentuan hari-hari penting di dalam Islam.

Keputusan ini telah diperakukan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis Bil. 6/2018 bertarikh 6 Disember 2018.

iii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka (2012)

Permohonan Pandangan Mengenai Tafsiran Fajar *Sadiq* Dalam Penentuan Waktu Subuh Menurut Syarak

Keputusan:

Mesyuarat jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 3/2012 yang bersidang pada 19 Zulkaedah 1433H bersamaan 5 Oktober 2012M telah membincangkan mengenai Permohonan Pandangan Mengenai Tafsiran Fajar *Sadiq* Dalam Penentuan Waktu Subuh Menurut Syarak. Mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut :

Ciri-ciri fajar menurut fiqh terbahagi kepada dua iaitu fajar *kazib* dan fajar *sadiq*. Fajar *kazib* dapat dikenali berdasarkan ciri-ciri berikut :

- a) ia merupakan bayangan cahaya yang muncul diufuk timur;
- b) memancar dari bawah mengarah ke atas di tengah-tengah langit;
- c) cahayanya muncul seketika, kemudian ia menjadi gelap;
- d) cahayanya terpisah dari ufuk iaitu terdapat kegelapan antaranya dan ufuk;
- e) pada kedua-dua sisinya (kiri dan kanan) adalah gelap dan warna cahayanya adalah putih yang bercampur dengan hitam seumpama seekor serigala;
- f) cahayanya tidak begitu terang dan belum memancarkan rona kemerah-merahan dan cahayanya kelihatan berjurai-jurai.

2. Ciri-ciri fajar *sadiq* seperti berikut

- a) ia merupakan cahaya yang muncul sesudah fajar *kazib*;

- b) cahayanya putih dan menyerlah serta kelihatan mendatar mengikut garis lintang ufuk timur dan perlahan-lahan menyebar naik ke langit;
- c) tidak terdapat kegelapan antara cahaya tersebut dan ufuk;
- d) cahayanya tidak menggelap bahkan sentiasa bertambah cerah dan ia berakhir setelah matahari muncul perlahan-lahan di ufuk timur.

Ulamak bersepakat bahawa fajar inilah yang terpakai padanya dalam penetapan hukum syarak bagi permulaan masuknya waktu Subuh dan puasa.

3. Lafaz al-fajr dalam Surah al-Baqarah ayat 187 menurut para Ulama Tafsir adalah merujuk kepada Fajar *Sadiq*.
4. Tahap kejelasan cahaya fajar *sadiq* yang dimaksudkan dalam ayat tersebut ialah apabila cahaya fajar yang pertama sekali muncul dalam keadaan mendatar mengikut garis lintang ufuk timur menjadi terang dan jelas yang dapat diumpamakan seperti perbezaan benang putih (cahaya fajar) daripada benang hitam (kegelapan malam)
5. Justeru, berdasarkan gambar-gambar cahaya fajar *sadiq* yang dirakamkan oleh pemohon semasa berada di dalam pesawat pada aras ketinggian 39,000 kaki daripada bumi, maka keadaan fajar *sadiq* yang boleh dianggap menepati tafsiran tersebut ialah ketika matahari berada pada kedudukan antara 16 hingga 18 darjah di bawah ufuk.
6. Mesyuarat bersetuju supaya kajian lanjut mengenai penentuan permulaan fajar *sadiq* dapat dilaksanakan melibatkan ahli-ahli jawatankuasa fatwa sendiri memandangkan terdapat perbezaan sudut waktu solat Subuh antara negeri-negeri Islam sehingga menimbulkan pertikaian. Di samping itu, wujud persoalan mengenai keabsahan waktu solat fardhu Subuh dalam takwim waktu solat yang dikeluarkan di negara ini kerana berdasarkan pemerhatian, fajar *sadiq* masih tidak kelihatan pada waktu Subuh yang dinyatakan.

KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa buku himpunan keputusan fatwa dan laman web rasmi berkaitan fatwa di negeri-negeri dan laman web fatwa Jakim mendapati fatwa atau keputusan hukum berkaitan isu-isu falak amat jarang dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri, sepanjang penelitian tersebut hanya tiga isu berkaitan falak sahaja telah dibincangkan. Sementara penelitian dalam keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan juga mendapati hanya tujuh isu

perbincangan dan keputusan yang telah dikeluarkan mengenai falak selama lebih tiga puluh tahun muzakarah diadakan. Kurangnya fatwa atau keputusan hukum dalam bidang falak menunjukkan banyak isu yang telah selesai di peringkat fatwa atau keputusan dasar, cuma ia melibatkan penyelesaian di peringkat teknikal sahaja dan kemungkinan beberapa isu yang memerlukan kajian semula.

Perbincangan berkaitan isu falak pada awalnya lebih menjurus kepada soal penentuan kaedah penentuan anak bulan untuk mensabitkan awal Ramadhan, hari raya puasa dan hari raya haji. Apabila kesepakatan mengenai perkara tersebut telah dapat dicapai dan diikuti oleh negeri-negeri, maka pada awal kurun ke 21 beberapa isu berkaitan falak yang lain telah mula dibincangkan juga untuk mendapat kepastian hukum.

Penelitian juga mendapati, walaupun kata sepakat antara negeri mengenai penetapan awal Zulhijjah bagi menentukan hari raya haji secara amnya telahpun wujud melalui keputusan Majlis Raja-Raja yang meminta Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan membuat kajian dan mencadangkan penyelesaian berhubung isu ini, tetapi ada beberapa negeri telah membincang dan mencadangkan supaya keputusan tersebut diperhalusi semula. Walaubagaimanapun, sehingga kini semua negeri akur dengan keputusan yang telah dibuat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berkaitan penetapan hari raya idul adha yang juga selari dengan pandangan dan amalan negara-negara MABIM di rantau ini.

RUJUKAN

- Abdul Halim Mat Diah. 1986. *Falsafah Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia* Sunan Kalijogo, Yogyakarta: Institut Agama Islam Negeri (IAIN). Disertasi Ph.D.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dlm. http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal_E-Syariah_BM/Portal_E-Syariah_Carian_Bahan_Rujukan/Portal_E-Syariah_Undang-Undang/ (20 Januari 2020)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 dlm. http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal_E-Syariah_BM/Portal_E-Syariah_Carian_Bahan_Rujukan/Portal_E-Syariah_Undang-Undang/ (20 Januari 2020)
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 dlm. http://www.esyariah.gov.my/portal/page/portal/Portal_E-Syariah_BM/Portal_E-Syariah_Carian_Bahan_Rujukan/Portal_E-Syariah_Undang-Undang/

Syariah Carian Bahan Rujukan/Portal E-Syariah Undang-Undang/ (20 Januari 2020)

Ibn Hamdan, Ahmad Bin Hamdan al-Harraniy al-Hanbaliy, 1397H. *Sifat al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*, Beirut: al-Maktab al-Islamiyy. Cet. ke-3.

Idris Awang. 2001. *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, Petaling Jaya, Selangor: Intel Multimedia and Publication,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010. *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM. Cet. Ke-2.

Bahagian Pengurusan Fatwa. 2011. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Portal e-fatwa, JAKIM. <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia> [23 September 2011].

Keputusan Jamaah Ulama Negeri Kelantan. 2002. dlm <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3> 17 Jun 2019

Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka. 2012. dlm <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3> 17 Jun 2019

Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2010. *Transformasi Fikah Semasa*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis kali ke 38/2018 pada 8-9 November 2018.

Minit Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke 88 & 164.

Mohamed Azam Mohamed Adil, 2006. *Pengaruh Adat Tempatan Dalam Menentukan Fatwa Di Malaysia*, dlm. Md. Saleh Hj Md @ Hj, Ahmad et.al, *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, UM.

Al-Qarafiy, Syihab al-Din Abi al-Abbas Ahmad bin Idris al-Shanhaji, 2001. *Kitab al-Furuq, al-Qaherah*: Dar al-Salam.

Zulfaqar Mamat. 2014. *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia: Kajian Terhadap Penerimaan dan Penolakan di Peringkat Negeri*. Tesis PhD. UKM, Bangi.